

## Mesej Dua

### **Dua Pohon dan Dua Prinsip Kehidupan**

Bacaan Bible: Kej. 2:9; Ibr. 4:12; 1 Kor. 2:14-15; Roma 8:4, 6; Ef. 4:18-19; 2 Kor. 11:3

#### **I. Dua pohon dalam Kejadian 2:9—pohon hayat dan pohon pengetahuan baik dan jahat—mewakili dua prinsip kehidupan:**

- A. Dua pohon menunjukkan bahawa orang Kristian boleh hidup menurut dua prinsip yang berbeza—prinsip betul dan salah, atau prinsip hayat—1 Kor. 8:1.
- B. Menjadi orang Kristian bukan soal prinsip betul dan salah, prinsip baik dan jahat, tetapi soal hayat—1 Yoh. 5:11-13, 20.
- C. Apabila kita menerima Tuan Yesus dan beroleh hayat baru, kita beroleh satu lagi prinsip kehidupan—prinsip hayat; jika kita tidak mengetahui prinsip ini, kita akan mengetepikan prinsip hayat dan mengikut prinsip betul dan salah.
- D. Menjadi orang Kristian bukan soal bertanya sama ada sesuatu itu betul atau salah, tetapi soal menyemak dengan hayat dalam kita setiap kali kita melakukan sesuatu—Roma 8:6; Ef. 4:18-19.

#### **II. Kehidupan Kristian kita adalah berdasarkan hayat dalaman, bukan standard luaran betul dan salah; prinsip kehidupan kita bersifat dalaman, bukan bersifat luaran:**

- A. Jika kita hidup melalui prinsip betul dan salah, maka kita sama dengan orang di dunia—ay. 17.
- B. Betul dan salah bukan ditentukan melalui standard luaran tetapi ditentukan melalui hayat dalaman.
- C. Kita bukan sahaja perlu elak daripada melakukan segala hal yang jahat, bahkan juga hal yang baik semata-mata:
  1. Orang Kristian hanya boleh melakukan hal yang berasal daripada hayat; memang terdapatnya hal-hal jahat, hal-hal baik, dan hal-hal hayat—Yoh. 1:4; 10:10; 1 Yoh. 2:25; 5:13.
  2. Dalam Kejadian 2:9, “baik dan jahat” diletakkan bersama-sama sebagai satu jalan, manakala “hayat” ialah jalan yang satu lagi.
  3. Terdapat satu standard yang lebih tinggi daripada standard baik, iaitu standard hayat—Yoh. 11:25; 1 Yoh. 5:11-12.
  4. Standard kehidupan orang Kristian bukan sekadar menanggulangi hal yang jahat, malah juga menanggulangi hal yang baik dan betul.
  5. Banyak perkara adalah betul menurut standard manusia, namun standard divin memutuskan perkara itu salah disebabkan perkara itu kekurangan hayat divin.
- D. Kehidupan orang Kristian adalah berdasarkan hayat dalaman—Roma 8:2, 6, 10-11:
  1. Tidak ada orang Kristian yang harus membuat apa-apa keputusan di luar hayat—1 Yoh. 5:13.
  2. Apa-apa sahaja yang menambah hayat dalaman adalah betul, dan apa-apa sahaja yang mengurangkan hayat dalaman adalah salah.
  3. Jalan kita ialah hayat Tuhan, bukan betul dan salah; perbezaan antara dua prinsip ini adalah besar sekali, dan kontras di sini amat ketara.
  4. Satu-satunya soalan yang harus kita tanya ialah sama ada hayat divin dalam kita bangkit atau mengundur; inilah yang seharusnya menentukan jalan yang kita ambil.
  5. Tuhan mahu kita memuaskan hayat divin; kita harus melakukan hal sehinggalah ia memuaskan hayat yang diberikan Tuhan kepada kita—Yoh. 1:4; 3:15.
  6. Sebagai orang Kristian, kita tidak harus hanya bertaubat di hadapan Tuhan

atas dosa-dosa yang kita lakukan; sering kali kita perlu bertaubat di hadapan Tuhan atas hal-hal baik yang kita lakukan.

7. Prinsip kehidupan kita bukan membezakan antara yang baik dengan yang jahat; kita harus datang ke hadapan Tuhan untuk membezakan apa yang daripada hayat dan apa yang daripada maut—Roma 8:6; 1 Yoh. 3:14.

### **III. Jika kita ingin hidup menurut prinsip hayat, kita perlu mentamyizkan roh daripada sukma dan mengenali roh—Ibr. 4:12; 1 Kor. 2:14-15:**

- A. Tuan yang merupakan Roh itu hidup, huni, bekerja, bergerak, serta bertindak dalam roh kita, dan kita adalah satu roh dengan-Nya—2 Kor. 3:17; Roma 8:16; 1 Kor. 6:17:
  1. Jika kita berhasrat untuk mengenali Tuan secara praktikal dan mengalaminya dalam kehidupan harian, kita harus belajar mentamyizkan roh kita—2:14-15.
  2. Jika kita tidak mengenali roh insani kita, kita tidak dapat memahami pergerakan Tuhan dalam kita dan tidak dapat mengikut Tuan, kerana Tuan ialah Roh itu yang hidup dalam roh kita—1 Yoh. 2:27; 2 Tim. 4:22.
- B. Kita perlu mengenali perbezaan antara roh kita dengan bahagian dalaman kita yang lain—Mzm. 51:6; Yeh. 36:26; 1 Ptr. 3:4.
- C. Melakukan apa-apa sahaja dalam sukma kita, tidak kira betul atau salah, bererti hidup dalam manusia lama; oleh itu, kita perlu menyangkal hayat-sukma kita, diri kita—Mat. 16:24-26.
- D. Apabila kita mengikut roh, kita mengikut Tuan sendiri, kerana Tuan berada dalam roh kita—2 Tim. 4:22; 1 Kor. 6:17.

### **IV. Untuk hidup menurut prinsip hayat, kita perlu mengikut perasaan hayat dalaman—Roma 8:6; Ef. 4:18-19; Yes. 40:31:**

- A. Perasaan hayat adalah subjektif, peribadi, dan praktikal:
  1. Perasaan hayat dari aspek negatif ialah perasaan maut—Roma 8:6a.
  2. Perasaan hayat dari aspek positif ialah perasaan hayat dan damai sejahtera, dengan mempunyai kesedaran terhadap rasa kuat, puas, rehat, terang, dan selesa—ay. 6b.
- B. Sumber perasaan hayat ialah hayat divin (Ef. 4:18-19), hukum hayat (Roma 8:2), Roh Kudus (ay. 11; 1 Yoh. 2:27), Kristus yang tinggal dalam kita (Yoh. 15:4-5), dan Tuhan yang beroperasi dalam kita (Flp. 2:13).
- C. Fungsi perasaan hayat adalah untuk membolehkan kita mengenali sama ada kita hidup dalam hayat alamiah atau dalam hayat divin, dan sama ada kita hidup dalam tubuh daging atau dalam Roh—1 Kor. 2:14-15; Roma 8:8-9; Gal. 5:16-17.
- D. Pertumbuhan hayat bagi seseorang percayawan bergantung pada bagaimana dia memperlakukan perasaan hayat dalaman—Ef. 4:15; Kol. 2:19; 1 Kor. 3:6-7.
- E. Kita perlu mendoakan diri kita ke dalam perasaan hayat dan saban hari hidup di bawah elemennya yang menguasai, membimbing, dan mengarah—Roma 8:6; Ef. 4:18-19; 1 Yoh. 2:27.
- F. Semakin kita bergerak-hidup menurut roh dan mengikut perasaan hayat, semakin kita akan hidup menurut prinsip hayat—Roma 8:4, 6.

### **V. Jika kita hidup menurut prinsip hayat, kita akan mentamyizkan hal bukan menurut betul dan salah, tetapi menurut hayat dan maut—2 Kor. 11:3:**

- A. Injil Yohanes menekankan hakikat bahawa pohon hayat adalah berlawanan dengan pohon pengetahuan baik dan jahat, dan kita harus mengambil berat tentang hayat, bukan baik atau jahat—4:10-14, 20-21, 23-24; 8:3-9; 9:1-3; 11:20-27.
- B. Cara yang terbaik untuk mentamyizkan suatu perkara—rahsia pentamyizkan—ialah mentamyizkan menurut hayat atau maut; kita harus belajar mentamyizkan, membezakan perkara melalui hayat dan maut, menolak apa-apa sahaja

pembicaraan yang merampas kenikmatan kita terhadap Kristus sebagai bekal  
hayat kita, sebaliknya menerima ministri sejati kepunyaan Tuan yang sentiasa  
memperkuat kita untuk menikmati Kristus sebagai bekal hayat kita—Roma  
8:6; 2 Kor. 11:3.